KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA
Aras 3, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8890 4149 / 8883 3644
http : //nursing.moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM.600-23/16/5 Jld 5 (49)
Tarikh : 18 Jun 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan,

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM BASIK, POS BASIK DAN DIPLOMA LANJUTAN KEJURURAWATAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PANDEMIK COVID-19

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan sedia maklum, YBhg. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan kepada semua penduduk Malaysia disebabkan oleh wabak Covid-19 dan sekarang sedang melalui Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

... 3. Oleh yang demikian, pihak LJM telah menyediakan Panduan Pengendalian Program Basik, Pos Basik Dan Diploma Lanjutan Kejururawatan Pasca PKPP Pandemik Covid-19. Bersama-sama ini disertakan panduan tersebut untuk makluman dan tindakan.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJH TUMBLE BT NGADIRAN@TOMBLOW)
Pendaftar
Lembaga Jururawat Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Uk/ro/panduanpengendalianprogram/17062020

LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA DAN LEMBAGA BIDAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSA

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM BASIK, POS BASIK DAN DIPLOMA LANJUTAN KEJURURAWATAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PANDEMIK COVID-19

1. PENGENALAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan dijadikan rujukan oleh semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) sama ada Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ia adalah lanjutan Panduan Pengendalian Program Pendidikan semasa dan pasca perintah kawalan pergerakan COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 29 Mac 2020 dan 29 Mei 2020, garis panduan pelaksanaan latih amal bagi pelajar Institut Pengajian Tinggi (PPT) di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia semasa wabak COVID-19 bertarikh 13 April 2020 serta surat edaran berkaitan Pengendalian Program Akademik dan Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)/Lembaga Bidan Malaysia (LBM) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 2 April 2020 dan 30 April 2020.

***Sebarang pengurangan/penambahan jumlah pelajar untuk penggunaan fasiliti tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan dari Jabatan Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital/Penyelaras Klinikal di hospital dan klinik kesihatan berkenaan.**

2. TEMPOH KUATKUASA

Garis panduan ini terpakai sepanjang tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

3. PANDUAN AM

3.1. Memakai *face mask* sepanjang masa semasa menjalani sesi latih amal/latihan klinikal/kuliah/tutorial/*skill lab*/peperiksaan.

3.2. Menjalani pemeriksaan suhu badan setiap hari iaitu sebelum dan selepas menjalani latih amal/latihan klinikal/kuliah/tutorial/*skill*

lab/peperiksaan dan direkodkan.

3.3. **Mesti** deklarasi diri (*self-declaration*) jika mempunyai simptom sakit tekak, batuk, selesema, demam, sesak nafas dan sakit badan.

3.4. Pelajar **tidak dibenarkan** menjalani latih amal/latihan klinikal/kuliah/tutorial/*skill lab* jika mempunyai simptom sakit tekak, batuk, selesema, demam, sesak nafas dan sakit badan. Perlu memaklumkan kepada Pengajar/Instruktur Klinikal jika mempunyai simptom tersebut untuk tindakan lanjut.

3.5. Mengekalkan kebersihan dengan mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* (5 *Moments Hand Hygiene*).

4. PENGGUNAAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SEMASA MENJALANI LATIH AMAL/LATIHAN KLINIKAL (*CLINICAL PRACTICE PLACEMENT*).

4.1 PELAJAR:

4.1.1. Elak bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain, sebaiknya letak tangan kanan di dada sebelah kiri sebagai tanda hormat dan ucapan salam bagi menggantikan bersalaman dan bersentuhan.

4.1.2. Minimumkan sentuhan terhadap pesakit untuk mengurangkan risiko jangkitan.

4.1.3. Mengekalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya **satu meter** ketika waktu latih amal/latihan klinikal di dalam wad/klinik kesihatan/kuliah/tutorial/*skill lab*.

4.1.4. **Seorang** pelajar hanya boleh menjaga **dua (2)** orang pesakit sahaja pada satu-satu masa.

4.1.5. Maksimum **sepuluh (10)** orang pelajar sahaja dibenarkan menjalankan latih amal/latihan klinikal di dalam satu wad bagi setiap syif pada satu-satu masa.

4.1.6. Menjalani sesi latih amal/latihan klinikal mengikut syif yang ditetapkan secara bergilir-gilir (pagi, petang atau malam) termasuk hari minggu bagi memastikan jumlah jam latih amal mencukupi.

4.1.7. **Dilarang** terlibat dalam pengendalian atau rawatan pesakit COVID-19.

4.1.8. Hanya **pelajar senior** (Tahun 3 atau Tahun 4) **dibenarkan** menjalani latih amal/latihan klinikal di Jabatan Kecemasan dan Jabatan Pesakit Luar.

4.1.9. Sekiranya terdapat pelajar yang terdedah dengan kes positif COVID-19 pelajar tersebut perlu menjalani saringan dan pemeriksaan lanjut serta diarahkan untuk menjalani kuarantin di kediaman masing-masing (*self-quarantine*) atau mengikut arahan yang ditetapkan.

4.1.10. Memastikan makanan dan minuman pelajar dibeli secara *packing,* makan di tempat yang disediakan dan mengikut SOP yang disediakan dengan mengekalkan penjarakan sosial (*social distancing*).

4.2 STAF AKADEMIK (PENGAJAR/INSTRUKTUR KLINIKAL):

4.2.1. Hanya seorang Pengajar/Instruktur Klinikal memantau pelajar dalam satu wad/klinik kesihatan.

4.2.2. Mengekalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya **satu meter** semasa memantau pelajar di wad/klinik kesihatan.

4.2.3. Memastikan senarai prosedur di dalam buku log (pengalaman klinikal) dapat dicapai. Bagi pelajar yang menjalankan prosedur dengan **baik dan betul**, memadai prosedur tersebut dijalankan **sekali** sahaja.

4.3 PENEMPATAN KLINIKAL:

4.3.1. Pelajar **tidak dibenarkan** menjalani latih amal/latihan klinikal di hospital *Fully* COVID. Latih amal/latihan klinikal **hanya boleh dijalankan** di hospital COVID *Hybrid* dan hospital Non-COVID sahaja.

4.3.2. Pelajar **tidak boleh** ditempatkan di lokasi berikut:

4.3.2.1 Wad yang dikhaskan untuk merawat kes-kes COVID-19.

4.3.2.2 Wad yang merawat kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI).

4.3.2.3 Kaunter saringan COVID-19 sama ada di hospital atau klinik kesihatan.

4.3.3. Pihak PPT perlu menempatkan pelajar yang berada di hospital *Fully* COVID **ke hospital lain** yang telah disenaraikan dalam *Memorandum of Agreement* bagi setiap PPT (bagi yang menggunakan fasiliti KKM).

4.3.4. Pihak PPT digalakkan menggunakan **semua fasiliti yang telah tersenarai** (hospital/klinik kesihatan) di dalam MoA bagi memastikan ruang dan peluang untuk penempatan pelajar mencukupi.

4.3.5. Memastikan jumlah jam pelajar menjalani latih amal/latihan klinikal adalah 100% bagi pelajar Tahun 1 Semester 1 sehingga Tahun 3 Semester 1 (MQF Tahap 4) atau Tahun 4 Semester 1 (MQF Tahap 6). Perkara ini juga terpakai kepada program Kejururawatan peringkat Pos Basik dan Diploma Lanjutan.

4.3.6. LJM **tiada halangan** bagi PPT membuat pengurangan sebanyak **2 minggu** di penempatan klinikal **dan hanya boleh dilaksanakan di wad Perubatan Am atau Surgikal Am sahaja. Pengurangan ini diberikan** kepada **pelajar tahun akhir semester akhir sahaja (MQF Tahap 4 dan Tahap 6).** (Perkara ini hanya terpakai ekoran wabak Covid-19 sahaja).

4.3.7. Semua **tatacara *core competency*** mesti mencapai 100% **sebelum** menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)/Lembaga Bidan Malaysia (LBM).

4.3.8. Jumlah pelajar penempatan di sesebuah Klinik Kesihatan (*Community Health posting*) berpandukan kepada *type* Klinik Kesihatan di lokasi penempatan.

Bagi Klinik Kesihatan *type* 1 hingga *type 3*, dihadkan **tidak melebihi lima (5) orang (1:5)**, manakala Klinik Kesihatan *type* 4 hingga *type* 5 dihadkan **tidak melebihi tiga (3) orang (1:3)**.

5. PENGENDALIAN KELAS TEORI/TUTORIAL (MENGGUNAKAN KAEDAH KONVENSIONAL).

PPT mesti mengekalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya **satu meter** ketika di dalam bilik kuliah/kelas tutorial.

6. PENGENDALIAN LATIHAN DI *SKILL LAB* (MENGGUNAKAN KAEDAH KONVENSIONAL).

Hanya **sepuluh (10)** orang pelajar sahaja dibenarkan bagi satu sesi latihan di *skill lab* iaitu nisbah 1: 10. (Seorang Pensyarah/Instruktur Klinikal: 10 orang pelajar) pada satu-satu masa (Bagi program MQF Tahap 4,Tahap 6, Pos Basik dan Diploma Lanjutan).

7. PENGENDALIAN PEPERIKSAAN LJM/LBM (MENGGUNAKAN KAEDAH KONVENSIONAL).

7.1. PPT mesti mengekalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya **satu meter** ketika di dalam bilik/dewan peperiksaan.

7.2. Sekiranya terdapat pelatih yang mempunyai gejala batuk/selesema, pelajar tersebut perlu diasingkan.

7.3. Ratio pegawai peperiksaan mengikut jumlah pelajar iaitu 1: 20 (Seorang Pegawai Peperiksaan: 20 orang pelajar) pada satu-satu masa.

Rujukan:

1. Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan Latih amal Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (2015).
2. Garis Panduan Pelaksanaan Latih amal bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia semasa wabak COVID-19; Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia 13 April 2020.
3. Panduan Pengendalian Program Pendidikan semasa dan pasca perintah kawalan pergerakan COVID-19 (MQA) 23 Mac 2020 & 29 Mei 2020.
4. Majlis Keselamatan Negara.
5. Standard Criteria for Approval/Accreditation of Nursing Programmes (2018).